

PENGAPLIKASIAN UNSUR DIDAKTIK DI DALAM CERITA JENAKA DARI PERSPEKTIF AKHLAK ISLAM DAN REALITI SEMASA

THE APPLICATION OF DIDACTIC ELEMENTS IN CERITA JENAKA FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE AND CURRENT REALITY

Nang Naemah Binti Nik Dahalan^{1*}

Izzah Nur Aida Binti Zur Raffar²

Mariam Farhana Binti Md Nasir³

Hamidah Binti Jalani⁴

Nor Adina Binti Abdul Kadir⁵

Sarah Dina Bte Mohd Adnan⁶

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah (E-mail: nangnaemah@uitm.edu.my)

*Corresponding Author

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah (E-mail: izzahnur@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah (E-mail: mariamfarhana@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah (E-mail: hamidahjalani@uitm.edu.my)

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah (Email: noradina@uitm.edu.my)

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah (E-mail: sarahdina@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 18-4-2024

Revised date : 13-5-2024

Accepted date : 15-6-2024

Published date : 30-6-2024

To cite this document:

Nik Dahalan, N. N., Zur Raffar, I. N. A., Md Nasir, M. F., Jalani, H., Abdul Kadir, N. A., & Mohd Adnan, S. D. (2024). Pengaplikasian unsur didaktik di dalam cerita jenaka dari perspektif akhlak islam dan realiti semasa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 711 – 724.

Abstrak: Cerita jenaka merupakan salah satu daripada tradisi lisan yang terkenal di Alam Melayu. Cerita jenaka ini pada masa dahulu adalah berfungsi sebagai salah satu bentuk hiburan seharian. Cerita jenis ini menyelitkan nilai-nilai baik yang boleh menjadi petunjuk dan pedoman dalam kehidupan. Lima jenis cerita yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu ialah cerita Pak Kadok, cerita Lebai Malang, cerita Pak Pandir, cerita Pak Belalang dan cerita si Luncai. Watak-watak yang terdapat di dalam kesemua cerita ini digambarkan sebagai seorang yang lucu berdasarkan kepada kelakuan mereka sendiri manakala realiti semasa pada ketika ini pula telah memperlihatkan terhakisnya nilai-nilai murni dan adab dalam masyarakat. Oleh itu, penulisan ini akan memfokuskan kepada beberapa unsur didaktik Islam yang terdapat di dalam cerita jenaka di atas dan juga analisis unsur didaktik tersebut perspektif Islam dan juga perspektif realiti masa kini. Metod dokumentasi telah digunakan iaitu dengan merujuk kepada beberapa teks cerita jenaka yang telah diterbitkan di dalam buku yang berjudul 'Cerita

Jenaka' yang dikumpul oleh Raja Haji Yahya. Selain itu, realiti keadaan masyarakat masa kini pula dilihat melalui pemerhatian dan pembacaan sama ada melalui pelaporan di media massa ataupun di media elektronik. Hasil akhir penulisan akan memberi pendedahan kepada pembaca terutamanya akan penekanan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian. Unsur-unsur nasihat yang baik boleh dijadikan sebagai pedoman kehidupan manakala sikap negatif dan buruk pula wajar ditinggalkan.

Kata Kunci: Akhlak Islam, Cerita jenaka, Unsur Didaktik

Abstract: *'Cerita jenaka' are one of the famous oral traditions in the Malay world. This story is about a joke in the past served as a form of daily entertainment. This type of story instills good values that can be a guide in life. There are five types of stories that are famous among the Malay community which is Cerita Pak Kadok, Cerita Lebai Malang, Cerita Pak Pandir, Cerita Pak Belalang and Cerita Si Luncai. The characters found in all these stories are described as funny based on their own behavior while the current reality at this time has shown the erosion of moral values and manners in society. Therefore, this writing will focus on some Islamic didactic elements that was found in their story and also the analysis of those didactic elements from the islamic perspective and today's reality. The documentation method has been used, which is by referring to several texts that have been published in a book entitled 'Cerita Jenaka' collected by Raja Haji Yahya. In addition, the reality of the current society is seen through observation and reading either via reporting in the mass media or in the electronic media. The final result of the writing will give exposure to the reader especially the emphasis on noble values in life. Elements of good advice can be used as life guidelines while negative and bad attitudes should be left behind.*

Keywords: Islamic Moral, Didactic Element, 'Cerita Jenaka'

Pengenalan

Tradisi cerita lisan yang ada dalam masyarakat Melayu merupakan jenis penceritaan yang disampaikan secara turun temurun. Ianya dituturkan secara lisan dan menjadi warisan pencerita dan pendengarnya. Ia tumbuh dengan subur di dalam masyarakat Melayu. Ia merupakan sebagai salah satu bentuk hiburan dan cara untuk menyampaikan pengajaran kepada masyarakat pada ketika itu. *"tiap-tiap hasil sastera mencerminkan keadaan masyarakat pada waktu itu, khususnya susunan masyarakat bangsa itu sendiri dari segi lahir dan batinnya. Tinggi atau rendahnya tamadun sesuatu bangsa dapat dikaji dari hasil-hasil sastera bangsa itu pada sesuatu masa yang tertentu dan dibandingkan hasil penyelidikan itu dengan hasil-hasil sastera bangsa-bangsa asing pada masa yang sama juga"*. (Yahya 1963). Cerita jenis ini secara tidak langsung juga mempunyai unsur didaktik yang boleh memberi didikan kepada masyarakat menjalani kehidupan seharian. Cerita rakyat menjadi bukti kearifan tempatan orang Melayu dalam menyebarkan nilai murni positif terutamanya nilai Islam kepada masyarakat Melayu masa lalu (Muhammad Nur al-Hakim & Mohd Firdaus, 2020).

Datangnya Islam ke Alam Melayu telah membawa satu bentuk *weltanschauung* atau disebut sebagai pandangan baru bagi masyarakat Melayu. Perkembangan dari ajaran Islam ini juga telah membentuk kewujudan pengaruh Islam di dalam cerita-cerita yang ingin disampaikan oleh para penutur. Cerita jenaka pula merupakan salah satu genre yang terkenal di dalam sastera rakyat. Cerita ini digambarkan dengan watak-watak lucu yang dibawa oleh Pak Kadok, Lebai Malang, Pak Pandir, Pak Belalang dan Si Luncai. Segala perlakuan yang telah dicerita di dalam

cerita ini bukanlah suatu bentuk perlakuan yang boleh merosakkan akidah, tetapi dari sudut pandangan Islam, bentuk-bentuk perilaku yang tidak elok wajar ditinggalkan kerana ianya adalah perkara yang dibenci oleh pencipta. Hal ini kerana segala perbuatan atau perilaku buruk akan membawa kepada kemudaran si pelaku atau orang di sekelilingnya.

Cerita jenis ini bukan hanya ada di dalam masyarakat Melayu, bahkan juga di dalam masyarakat di tempat yang lain. Walaupun mereka tidak berhubung secara bersama, akan tetapi mereka mempunyai pemikiran yang serupa disebabkan keadaan persekitaran, pengalaman atau suasana yang sama (Mohd Taib, 2007). Umpamanya, di Filipina watak Juan Tamak disamakan dengan kisah Pak Pandir. Kisah Juan Khusom pula menyamai perwatakan Si Luncai. Si Kebayan pula merupakan cerita jenaka dalam kalangan orang Sunda. Pak Banjir, Jaka Bodo, Jaka Dolog dan Jaka Lehur merupakan kisah jenaka yang terdapat di Jawa (C. Hooykaas, 1967). Selain itu, di negara Arab contohnya, cerita-cerita jenaka mencerminkan peringkat asas akhlak. Pelaku di dalam cerita ini dinamakan dengan Juha, di Parsi pula Mulla Nasruddin, di Turki dikenali dengan Hoca Nasruddin (Siti Fatimah, 2007). Terdapat persamaan di dalam jalan cerita dan apa yang membezakannya ialah nama watak dan tajuk sahaja.

Sorotan Perpustakaan

Senario kini telah memperlihatkan sikap-sikap masyarakat yang makin rosak disebabkan kurangnya penekanan kepada unsur didaktik atau mengajar. Penyalahgunaan dadah, salahlaku seksual, perbuatan rasuah, penipuan, pecah amanah, samun, pecah rumah bahkan mencuri seringkali terpapar di media-media masa kita (Meor Riduwan, 2023; Adila Sharinni, 2023). Masyarakat yang berakhlak merupakan masyarakat yang mengamalkan sifat-sifat dan ciri-ciri yang mulia, baik, perilaku terpuji yang diterapkan dalam segenap aspek kehidupan seharian mereka. Bahkan ajaran Islam juga telah memberikan beberapa contoh akhlak yang terpuji yang boleh diikuti oleh umatnya.

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah membincangkan mengenai cerita jenaka. Akan tetapi kajian ini menumpukan kepada unsur budaya yang terdapat di dalam cerita jenaka (Khairunisah, 2008). Fokus yang dilakukan ialah mengenai teknik pengalihan budaya yang digunakan dalam menghasilkan teks terjemahan. Hal ini berbeza dengan kandungan penulisan yang ditulis dalam penulisan ini. Penulisan Halim Mat sendiri telah menekankan akan pembentukan akhlak kanak-kanak melalui karya sastera. Melalui pengajaran di dalam kisah-kisah tersebut, kanak-kanak akan dapat memahami bahawa kesan yang akan berlaku sekiranya mengikut perilaku watak di dalam cerita yang telah dibaca. Perwatakan yang baik akan diikuti oleh kanak-kanak manakala perwatakan yang jahat akan ditinggalkan.

Prinsip utama akhlak Islam itu sendiri mengiktiraf akhlak yang baik dan menolak akhlak yang buruk (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001). Oleh itu, unsur-unsur didaktik dan akhlak Islam adalah sangat dituntut dalam usaha untuk mendidik masyarakat dengan nilai-nilai yang elok. Generasi terkemudian yang akan terbentuk ini merupakan generasi yang kuat berpegang kepada ajaran dan amalan di dalam agama Islam.

Cerita Jenaka Dalam Masyarakat Melayu

Cerita jenaka juga dikenali sebagai lelucon atau anekdot. Cerita jenis ini adalah suatu bentuk cerita yang mampu menimbulkan rasa geli hati dan gelak tawa. “...*dongeng-dongeng yang dapat menimbulkan rasa menggelikan hati, sehingga menimbulkan ketawa bagi yang mendengarnya mahupun yang menceritakannya...*” (Zalila & Jamilah, 1993). Cerita jenis ini biasanya memaparkan mengenai watak yang mewakili masyarakat Melayu pada ketika itu.

Hal ini dijelaskan dengan kenyataan Mohd Taib (1965), “*watak ini memang dimaksudkan sebagai cermin setengah-setengah manusia yang hidup dalam masyarakat dan dari situ tidak sedikit yang boleh dijadikan teladan kepada manusia umumnya...*”. Istilah jenaka didefinisikan sebagai suatu bentuk perbuatan atau kata-kata yang menggelikan hati dan membuatkan penonton-penonton tidak dapat menahan ketawa.

Abdullah Yusof (1996) berpendapat bahawa cerita jenaka adalah bentuk cerita rakyat Melayu yang menggambarkan kehidupan masyarakat biasa. Cerita ini mempunyai unsur humor atau melucukan, samaada melalui gambaran fizikal watak, aksi, tutur kata atau tindakannya terhadap sesuatu yang menggambarkan kelemahannya, kebodohnya, kejujurannya dan kelurusannya yang keterlaluan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan timbulnya bentuk kelucuan ini (Nik Hassan Basri, 2005);

1. Sifat watak yang terlalu bodoh dan juga terlalu pintar sebagaimana yang terdapat di dalam cerita Pak Pandir dan Pak Belalang.
2. Kewujudan unsur-unsur kebetulan seperti yang digambarkan di dalam cerita Pak Belalang.
3. Kelucuan yang ditimbulkan melalui jalan cerita.
4. Kewujudan permainan kata-kata yang melucukan yang mana ianya berkaitan dengan gambaran dan sifat fizikal seperti mempunyai tubuh yang pendek, gemuk dan buncit.

Tiga jenis perwatakan yang terdapat di dalam cerita jenaka Melayu ialah watak bodoh-sial, pintar-bodoh dan pintar. Watak bodoh-sial ini digambarkan di dalam cerita Pak Kadok dan kisah Lebai Malang. Pengajaran yang dapat diambil dari kisah mereka ialah para pembaca hendaklah tidak tamak dan terburu-buru dalam membuat sebarang keputusan.

Jadual 1: Watak dan Perwatakan di dalam Cerita Jenaka

Bil.	Perwatakan	Watak
1	Bodoh Sial	Lebai Malang, Pak Kadok
2	Pintar Bodoh	Pak Pandir
3	Pintar	Pak Belalang, Si Luncai

Sumber: Cerita Jenaka oleh Raja Haji Yahya

Selain itu, cerita Pak Belalang dan Si Luncai pula mengajar para pembaca akan kepintaran watak-watak ini dalam memperbodohkan raja dan pembesar dengan tipu helah mereka. Perwatakan pintar-bodoh pula digambarkan dalam kisah Pak Pandir. Pak Pandir telah berjaya membunuh gergasi untuk menyeberangi sungai. Manakala, sisi bodoh Pak Pandir pula dapat dilihat apabila beliau telah memandikan anaknya dengan air yang panas.

Terdapat beberapa tujuan dan fungsi cerita jenaka yang ingin disampaikan kepada para pembaca. Tujuan dan fungsi yang utama adalah;

1. Suatu bentuk hiburan,
2. Sebagai petunjuk atau pedoman,
3. Suatu bentuk kritikan sosial dan
4. Bersifat didaktik.

Cerita jenaka telah dijadikan sebagai suatu bentuk hiburan bagi masyarakat yang hidup ketika itu. Hal ini adalah kerana ketiadaan peralatan yang moden sebagaimana yang ada pada hari ini telah menghidupkan kreativiti masyarakatnya lalu menghasilkan suatu bentuk hiburan yang menyenangkan hati. Selain itu, kebanyakan dari kisah-kisah yang terkandung di dalam cerita jenaka ini boleh diambil sebagai pengajaran dalam menjalani kehidupan seharian. Menurut Mana Sikana (2003), cerita bentuk ini sebenarnya sangat sesuai ditujukan kepada kanak-kanak supaya mereka memperoleh pendidikan dan pengetahuan dari jalan cerita tersebut.

Terdapat gambaran perwatakan sikap suka berjudi menyabung ayam di dalam cerita Pak Kadok. Hal ini telah menyebabkan hartanya tergadai apabila Pak Kadok sendiri kalah ketika menyabung ayamnya. *'Aduhai malang Pak Kadok, ayamnya menang kampung tergadai'*. Hal ini secara jelas menunjukkan keburukan berjudi. Selain itu, terdapat juga gambaran Lebai Malang yang bersikap terburu-buru dalam membuat sesuatu percaturan. Lebai Malang bertindak secara tergesa-gesa melemparkan bekas niranya ketika ingin menghalau anjing yang cuba untuk mengambil lempeng yang telah ditinggalkan di bawah pokok. Akhirnya, beliau tidak mendapat apa-apa hasil dari tindakan tergesa-gesanya. *"Ayuhai nasib fakir miskin, dapat sedekah sebungkus lempeng, habis hilang baju dan kain, penganan habis dibaham anjing"*.

Kritikan sosial atau juga disebut sebagai sindiran di dalam cerita jenaka biasanya ditujukan kepada golongan yang tertentu. Kritikan sosial atau sindiran ini bukanlah bertujuan untuk menjatuhkan maruah seseorang, tetapi ianya sebagai suatu bentuk teguran untuk diambil sebagai pengajaran. Hakikat di dalam cerita ini biasanya mendedahkan keadaan masyarakat Melayu yang terdiri dari dua golongan iaitu pemerintah dan mereka yang diperintah (Darwis, 1996).

Contoh yang jelas terdapat di dalam cerita Pak Kadok apabila raja menawarkan untuk Pak Kadok menukar ayamnya dengan ayam yang menjadi milik raja. *Maka Pak Kadok pun segeralah menyembahkan ayamnya itu, lalu disambut oleh Baginda serta diamati-amati. Diketahui oleh baginda tersangatlah bertuah ayam Pak Kadok itu. Maka titah Baginda, 'Hai Pak Kadok, mari kita bertukar ayam. Ambillah ayam beta ini, elok, cuba lihat romannya jalak pti mata, dan ayam Pak Kadok biring si kunani Sahaja tiada berapa tuahnya.'* Cerita ini juga telah memperlihatkan sikap buruk seorang pemerintah yang mempunyai tabiat berjudi.

Selain itu, kritikan sosial turut jelas ditunjukkan di dalam kisah Lebai Malang yang digambarkan dengan sifat tamak. Pak Lebai tidak memperoleh apa-apa kerana gagal menepati masa untuk datang ke tempat jemputan kenduri. *Sekali peristiwa datangnya seorang lelaki ke rumahnya mengajak akan dia melawat orang mati. Maka kata Pak Lebai, 'Baiklah. Kembalilah tuan dahulu. Dan seketika lagi datang pula seorang kanak-kanak menjemput Pak Lebai kerana hendak kenduri berkhatam pengajian. Maka jawab Pak Lebai. 'Yalah, baliklah engkau dahulu.'* Ad sekejap pula datang seorang lagi mempersilakan Pak Lebai ke terataknya oleh hendak berdirik kenduri maulud. Maka itupun disanggup juga oleh Pak Lebai; demikianlah juga katanya. Maka ketiga-tiga mereka itupun pulanglah ke rumah masing-masing berhadirkan sekalian alatnya kerana harapkan Pak Lebai akan datang juga ke rumahnya.

Unsur didaktik turut diketengahkan di dalam cerita jenaka ini. Didaktik juga difahami sebagai suatu yang bersifat mengajar. Hal ini dijelaskan di dalam kisah Pak Belalang dan juga Si Luncai. Nilai pengajaran yang dapat diambil dari dua cerita tersebut ialah segala bentuk penipuan yang telah dibuat akhirnya akan diketahui oleh orang juga. Hal ini bersesuaian dengan pepatah lama iaitu sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga. Segala

perlakuan yang jahat akan mendapat balasan yang setimpal dan perbuatan yang baik akan mendapat balasan yang baik.

Plot-Plot Cerita Jenaka

Plot didefinisikan sebagai jalan cerita dalam sesuatu cerita. Di sini akan dinyatakan beberapa plot ringkas yang ada di dalam cerita jenaka yang telah di pilih.

Jadual 2: Plot Utama Cerita Pak Kadok

Bil.	Plot Cerita
1	Pak Kadok pergi ke gelanggang untuk berjudi.
2	Raja meminta supaya ditukarkan ayam baginda dengan ayam Pak Kadok.
3	Pak Kadok meletakkan kampung dan rumahnya sebagai taruhan.
4	Ayam Pak Kadok yang telah ditukar dengan ayam raja telah menang.
5	Pak Kadok bersorak kerana menyangka ayamnya menang.
6	Pak Kadok pulang ke rumah dalam keadaan bertelanjang.
7	Pak Kadok dileteri isterinya.
8	Pak Kadok dijemput ke kenduri yang terletak di hulu dan hilir sungai.
9	Pak Kadok menyuruh isterinya membuang nasi dingin yang menjadi makanan kebiasaannya.
10	Pak Kadok menongkah air surut.
11	Jemputan kenduri yang ingin dihadiri oleh Pak Kadok telah selesai.
12	Pak Kadok pulang dalam keadaan lapar.
13	Pak Kadok memukul isterinya sehingga mati.
14	Pak Kadok menyesal dengan tindakannya.

Sumber: Cerita Pak Kadok di dalam Himpunan Cerita Jenaka oleh Raja Haji Yahya

Jadual 3: Plot Utama Cerita Pak Pandir

Bil.	Plot Cerita
1	Mak Andeh menyuruh Pak Pandir memancing ikan di sungai menggunakan umpan belalang rusa.
2	Pak Andeh menangkap rusa untuk dijadikan umpan.
3	Mak Andeh mengajar Pak Pandir menyembelih rusa.
4	Pak Pandir memandikan anaknya dengan air panas.
5	Mak Andeh menyuruh Pak Pandir membeli kerbau.
6	Mak Andeh menyuruh Pak Pandir menjemput Haji dan Lebai ke kenduri.
7	Mak Andeh menyuruh Pak Pandir menjemput Datuk Keramat Jin Islam.
8	Pak Pandir menjemput gergasi ke kendurinya.
9	Pak Pandir menyuap anak gergasi dengan lauk kenduri sehingga mati.
10	Pak Pandir menyuruh gergasi menyeberangi sungai menggunakan tempayan.
11	Gergasi tersebut mati kerana lemas.
12	Pak Pandir membeli hampa padi.
13	Pak Pandir merendamkan garam ke dalam sungai.
14	Pak Pandir disangka seorang Raja Mambang.
15	Pak Pandir dibuang ke dalam hutan.
16	Pak Pandir menyuruh isterinya membuat kuih.
17	Pak Pandir memakan pisang panas tanpa membuang kulitnya.

Sumber: Cerita Pak Pandir di dalam Himpunan Cerita Jenaka oleh Raja Haji Yahya

Jadual 4: Plot Utama Cerita Si Luncai

Bil.	Plot Cerita
1	Si Luncai tinggal di sebuah negeri bernama Indera Pati.
2	Si Luncai menyamakan raja negeri tersebut dengan bapanya.
3	Raja menghukum Si Luncai dibuang ke dalam sungai.
4	Si Luncai berjaya melepaskan diri.
5	Si Luncai menipu pesuruh raja.
6	Si Luncai menipu saudagar Keling untuk berkahwin dengan puteri raja.
7	Si Luncai menyamar menjadi malaikat Si Luncai yang telah mati.
8	Si Luncai membawa raja menghadap orang tua baginda yang telah meninggal dunia.
9	Si Luncai menjadi raja dan berkahwin dengan puteri baginda.
10	Si Luncai dibunuh oleh isterinya sendiri.

Sumber: Cerita Pak Pandir di dalam Himpunan Cerita Jenaka oleh Raja Haji Yahya

Jadual 5: Plot Utama Cerita Lebai Malang

Bil.	Plot Cerita
1	Pak Lebai mendapat jemputan ke tiga tempat kenduri.
2	Pak Lebai terlewat menghadiri ketiga-tiga kenduri tersebut.
3	Pak Lebai dibekalkan dengan sebungkus lempeng.
4	Pak Lebai mengambil air nira di atas pohon kabung.
5	Lempeng Pak Lebai yang terletak di bawah pohon dilarikan anjing.
6	Pak Lebai mengejar anjing tersebut.
7	Pak Lebai menanggalkan pakaiannya untuk disumbat pada lubang pohon kayu.
8	Pakaian Pak Lebai telah dicuri.
9	Pak Lebai pulang ke rumah dalam keadaan bertelanjang.
10	Pak Lebai dipukul oleh isterinya.

Sumber: Cerita Lebai Malang di dalam Himpunan Cerita Jenaka oleh Raja Haji Yahya

Jadual 6: Plot Utama Cerita Pak Belalang

Bil.	Plot Cerita
1	Pak Belalang tinggal di sebuah negeri yang bernama Halban Condong.
2	Pak Belalang merupakan seorang yang pemalas.
3	Pak Belalang menyuruh anaknya menyembunyikan seekor kerbau milik penduduk kampung.
4	Pak Belalang menilik kerbau yang hilang.
5	Raja Indera Maya kehilangan tujuh buah peti besi yang berharga.
6	Pak Belalang diperintahkan menilik tempat peti besi tersebut.
7	Pak Belalang berjaya menemui tempat peti besi itu disembunyikan.
8	Pak Belalang diberi gelaran oleh raja sebagai Ahli Nujum.
9	Pak Belalang disuruh meneka jantina sepasang anak itik.
10	Pak Belalang berjaya meneka jantina anak itik tersebut.
11	Pak Belalang disuruh meneka hujung dan pangkal sebatang kayu.
12	Pak Belalang berjaya meneka di mana hujung dan pangkal kayu tersebut.
13	Pak Belalang mencari isteri anakanda raja yang telah dilarikan jin.
14	Pak Belalang berjaya menemui isteri anakanda raja dengan pertolongan Nabi Khidir.
15	Pak Belalang disuruh meneka binatang yang ada dalam genggam tangan baginda.
16	Pak Belalang membakar rumahnya.

Sumber: Cerita Pak Belalang di dalam Himpunan Cerita Jenaka oleh Raja Haji Yahya

Cerita Jenaka Dari Perspektif Akhlak Islam

Cerita jenaka yang menjadi hiburan dalam masyarakat Melayu dahulukala juga menerapkan unsur-unsur pengajaran di dalam setiap kisahnya. Ia juga telah memperlihatkan akhlak-akhlak yang boleh membentuk peribadi masyarakat Melayu pada ketika itu. Unsur-unsur pengajaran ini secara tidak langsung berperanan untuk membentuk sistem akhlak Islam melalui jalan cerita yang digarap. Matlamat akhlak Islam adalah untuk membentuk peribadi masyarakat yang elok yang membezakan darjat di antara manusia dan juga haiwan. Akhlak mulia adalah suatu sikap yang elok dan terpuji yang ada di dalam setiap diri individu. Ia sebagai asas yang membentuk hubungan yang baik dengan pencipta, sesama manusia dan juga alam sekeliling.

Dari segi istilah, Ibn Miskawayh menjelaskan bahawa akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong melakukan sesuatu perbuatan tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Manakala al-Ghazali pula berpendapat akhlak sebagai suatu sifat yang sehati dalam jiwa seseorang yang secara spontan boleh melahirkan tingkahlaku tanpa terancang. Hal ini menjelas akan kepentingan akhlak sebagai satu indikator dalam pembentukan individu dan juga masyarakat secara umumnya. Akhlak ditafsirkan sebagai suatu bentuk kepercayaan, undang-undang dan tatacara yang berkaitan dengan tingkah laku manusia yang menentukan sesuatu perkara tersebut sama ada baik atau buruk dan betul atau salah (Mohd Khairie & Mohammad Khairi, 2017). Hal ini menunjukkan perkaitan dia antara kepercayaan dengan hasil tindakan manusia dipengaruhi oleh akhlak manusia itu sendiri.

Dalam Islam, Rasullullah merupakan suatu contoh teladan yang harus diikuti oleh setiap umat manusia. Hal ini dapat di baca melalui firman Allah di dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu”. Sikap yang buruk akan menghasilkan pekerti yang tidak elok. Sikap ini akan membawa kerosakan di dalam sesebuah keluarga, masyarakat dan juga negara.

Oleh itu, jelaslah bahawa akhlak mulia merupakan suatu sikap terpuji yang patut ada di dalam setiap diri individu. Ianya merupakan salah satu asas di dalam perhubungan di antara seseorang dengan seseorang yang lain. Eloknya perhubungan ini secara tidak langsung akan menjamin suatu bentuk keselamatan, kebahagiaan dan keamanan hidup sebuah keluarga, masyarakat dan juga negara. Pembentukan akhlak yang mengambil Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik akan melahirkan akhlak yang seiring dengan kehendak al-Quran.

Unsur-unsur yang didapati di dalam setiap cerita jenaka adalah sesuai dengan nilai-nilai ajaran Islam. Sebagai contoh kisah mengenai keburukan berjudi. Umum mengetahui bahawa aktiviti berjudi adalah sangat dilarang dalam agama Islam. Hal ini kerana implikasinya akan membawa kesan yang buruk terhadap individu tersebut. *‘Setelah sudah mustaid sekaliannya, Pak Kadok pun lalu turun menangkap ayamnya biring si Kunani itu, serta dengan tabung tajinya, lalu berjalan menuju ke gelanggang Baginda itu. Selang tiada beberapa lamanya, ia pun sampailah ke tengah medan menyabung itu. Hatta, telah dilihat oleh Baginda akan Pak Kadok datang itu, maka dikenallah oleh Baginda seraya bertitah, ‘Hai Pak Kadok, apa khabar? Menyabungkan kita?’ Maka sembah Pak Kadok, ‘Daulat Tuanku, persilakan kita menyabung kerana ayam patik inipun belum lagi patik ketahuan tuah malangnya, Tuanku.’* Gambaran raja yang berjudi di dalam cerita Pak Kadok menunjukkan contoh yang tidak elok sebagai seorang pemimpin di dalam negara. Tabiat ini secara tidak langsung akan diikuti oleh rakyat jelata kerana mencontohi sikap buruk pemimpinnya.

Selain itu, janganlah bersikap malas dan suka berbohong dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Hal ini ditunjukkan di dalam cerita Pak Belalang. Pak Belalang digambarkan sebagai seorang yang malas bekerja. Oleh itu Pak Belalang mencari jalan lain untuk menampung kehidupannya dengan memperdayakan raja dan orang kampung. Nilai akhlak Islam yang diterapkan di dalam cerita ini adalah keburukan sifat malas dan suka berbohong. Walaupun Pak Belalang digambarkan sebagai seorang yang bijak, tetapi hatinya tidak tenang kerana bimbang rahsianya akan terbongkar. *Maka Pak Belalang pun bermohon balik pulang ke rumahnya, seraya berfikir di dalam hatinya, 'Jikalau demikian halnya, baiklah aku bakar rumah ini supaya boleh kukatakan surat-surat ilmu ku terbakar sekali, dan supaya sentosa kehidupanku, tiada diperiksa oleh Baginda lagi.'* Pengakhiran cerita telah menunjukkan bahawa Pak Belalang sendiri membakar rumahnya dan berbohong kepada raja bahawa kitab nujumnya turut terbakar. *'Maka sembah Pak Belalang, 'Kemalangan yang besar telah berlaku di atas diri patik, sehingga habislah peti-peti surat ilmu nujum patik. Maka hari ini patik mohon ampunlah menjadi Ahlun-nujum lagi.'*

Sikap terburu-buru dalam membuat sesuatu tindakan akan membawa kerugian kepada diri. Hal ini dapat dilihat melalui sikap Pak Lebai ketika beliau ingin kembali semula ke rumahnya setelah gagal menepati masa untuk memenuhi jemputan ketiga-tiga kenduri. *'Kalakian, maka hari itu hampir petang. Pak Lebai pun sampailah ke kampungnya lalu teringatlah ia akan air niranya di atas pohon kabung itu tiada berambil lagi. Maka ia pun pergilah ke pohon kabung itu dan lempengnya itupun disangkutkannya pada sigai tempat ia memanjat pohon itu. Maka Pak Lebai pun sampailah kepada bacuk niranya itu. Dilihatnya bacuk itu penuh berisi nira. Dengan takdir Allah, lempeng yang ditinggalkannya di bawah itu sudah digonggong oleh anjing, dibawanya lari. Maka setelah dilihat oleh Pak Lebai akan hal penganannya itu digonggong oleh anjing, maka hilanglah fikirannya, lalu ia mencabut goloknya serta dipunggaikannya kepada anjing itu, tiada kena. Dan diambil dengan bacuk nira yang penuh dengan nira itu, lalu dibalingkannya, tiada juga kena. Maka ia pun terjun dari atas pohon itu berkejar sekuat-kuat hatinya menghambat binatang bedebah itu.'*

Sikap terburu-buru Pak Lebai merupakan contoh yang menunjukkan ketidaksabaran individu berhadapan dalam apa juga situasi. Pak Lebai sepatutnya sabar dan berfikir terlebih dahulu dalam setiap tindakannya serta berusaha untuk mencari penyelesaian. Bahkan ajaran Islam sendiri menyeru umatnya supaya bersabar dalam menghadapi apa jua keadaan. Ini telah dijelaskan di dalam Surah al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud *"Dan sungguh akan kami berikan cobaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar"*.

Dapat disimpulkan bahawa ajaran Islam memberi penekanan terhadap akhlak yang mulia seperti jujur, amanah, adil, tidak terburu-buru dan menjaga hubungan silaturrahim di antara satu sama lain. Budi pekerti yang buruk akan menghasilkan akhlak jahat. Segala tindakan yang dilakukan oleh individu ini biasanya adalah bertentangan dengan norma-norma masyarakat. Kejahatan yang dilakukan olehnya bukan sahaja merosakkan diri serta peribadi, bahkan turut menghancurkan kepercayaan masyarakat terhadap dirinya dan keharmonian, keamanan serta kebahagiaan tidak wujud di dalam masyarakat yang mempunyai individu yang bersikap sedemikian. Maka, jelaslah disini akan seluruh kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dengan prinsip-prinsip akhlak. Peribadi yang mulia menjadi teras dalam menjalani kehidupan yang tenang.

Realiti Semasa Masyarakat Islam Masa Kini

Masyarakat masa kini berhadapan dengan pelbagai pengaruh ideologi yang boleh merosakkan jatiditi umat Islam khususnya. Paparan-paparan realiti masyarakat semasa dapat dilihat sama ada di dalam media sosial ataupun di sekitar kehidupan kini. Penekanan kepada pendidikan akhlak dalam kalangan masyarakat akan menjamin perilaku masyarakat yang beretika dan berakhlak mulia. Akhlak ialah suatu perkara penting yang semakin lupus dalam masyarakat Islam pada hari ini khususnya golongan muda (Bal Ikhwan et.al, 2022). Akhlak dilihat sebagai asas yang utama dalam memenuhi kesempurnaan hidup manusia.

Seorang penyair Arab pernah berkata “*Sesungguhnya sesebuah masyarakat itu akan ada selagi ada akhlaknya. Sekiranya akhlaknya tiada, masyarakat akan lenyap*”. Manusia tidak akan menjadi sempurna sekiranya akhlaknya bersifat dengan akhlak yang terkeji. Menurut Siti Norlina, Mohd Nasir dan Mohd Dani (2004), masyarakat Islam pada masa kini sememangnya sedang mengalami suatu perubahan sosial yang ketara. Akhlak yang baik akan melahirkan masyarakat yang mempunyai jatidiri yang tinggi (Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri, 2018). Tanggungjawab membentuk akhlak merupakan satu agenda yang besar sehingga Allah SWT telah mengutuskan seorang nabi kepada umat manusia bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Masyarakat kita pada ketika ini sedang mengalami krisis akhlak yang sangat membimbangkan kerana dicemari pelbagai bentuk kerosakan akhlak. Kajian yang dilakukan oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia mendapat seramai 75 peratus remaja di Malaysia pernah menonton video atau gambar lucah (Suara Sinar; 2023; Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri, 2018). Masalah remaja yang mengandungkan anak di luar hubungan perkahwinan menjadi suatu ancaman kepada dunia Islam khususnya (Nilam Nur Atikah, 2023). Pada tahun 2020, sekurang-kurangnya 51 000 sehingga 56 000 kes anak luar nikah telah dilahirkan pada setiap tahun.

Hal ini dapat dijelaskan melalui sikap masyarakat yang mengambil mudah terhadap hubungan yang terbuka di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Daripada bentuk hubungan ini akan menyebabkan perilaku yang kurang sopan seperti berpegangan tangan, berpelukan dan aksi bercumbuan di khalayak awam. Hal ini akan membawa kepada perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan lain yang menjurus kepada perzinahan. Jadi tidak mustahil hal ini berlaku kerana ramai remaja terjebak dalam perkara-perkara negatif kerana unsur-unsur negatif tersebut boleh didapati dimana-mana.

Di dalam media sosial seringkali ditunjukkan kelakuan individu-individu yang tidak mencerminkan diri sebagai yang berkeperibadian unggul. Hal ini dapat dilihat dari keratan-keratan berita yang menceritakan salah laku dalam kalangan golongan muda. Media sosial memperlihatkan teruknya akhlak yang ditonjolkan oleh individu seperti sikap tidak amanah, menipu, menceroboh, mengambil harta orang, mencerca, amalan rasuah dan memaki sudah menjadi tabiat di alam sadar. Penyalahgunaan bahan terlarang juga merupakan antara isu biasa yang ada dalam kalangan masyarakat kini (Ulya Nafisah, 2024; Nozina, 2021; M Jasni, 2021; Huzili, 2019; Zanariah & Siti Haliza, 2019).

Peranan ibubapa, rakan sebaya, faktor sekolah dan guru, faktor globalisasi dan media massa merupakan unsur-unsur yang memberi kesan dalam pembentukan jati diri dan akhlak remaja. Ia menunjukkan persekitaran yang paling hampir dengan remaja adalah individu penting dalam kehidupan remaja melibatkan keluarga, rakan dan sekolah (Nurzatil Ismah et.al, 2021). Oleh itu pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak yang terlibat dalam memastikan akhlak

masyarakat Islam masa kini dapat diperelokkan. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh bekas Mufti Besar Mesir yang menjelaskan bahawa umat Islam sebetulnya perlu menjadikan kitab turath sebagai panduan hidup.

Kesimpulan dan Cadangan

Walaupun kita melihat fungsi utama cerita jenaka sebagai salah satu bentuk hiburan dalam kalangan masyarakat, tetapi pada masa yang sama ianya menyelitkan unsur-unsur yang bersifat mengajar yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan. Ini adalah satu bentuk usaha yang baik dalam mendidik masyarakat dengan nilai-nilai dan nasihat yang elok. Secara tidak langsung akan mendidik generasi sekarang dengan prinsip akhlak Islam yang mulia. Cerita jenaka bukanlah hanya hiburan di masa lapang bahkan ia mendidik pembaca dengan nilai-nilai Islam yang terpuji. Contoh-contoh setiap unsur yang diselitkan adalah sesuai dengan norma-norma ajaran Islam. Penulisan pendek ini diharap dapat membuka mata pembaca supaya dapat dijadikan sebagai iktibar dalam menjalani kehidupan seharian. Teks yang ada di dalam setiap cerita jenaka bolehlah dijadikan sebagai sumber pembelajaran di sekolah-sekolah bagi mendidik generasi sekarang. Selain itu, pihak yang berkepentingan hendaklah turut sama berusaha untuk memperkasakan cerita-cerita teladan yang mempunyai pelbagai pedomam selain dari cerita jenaka yang dibincangkan di dalam penulisan ini. Masyarakat berakhlak ialah masyarakat yang mengamalkan sifat-sifat dan ciri-ciri yang mulia serta memiliki peribadi yang unggul dan terpuji dalam kehidupan

Penghargaan

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang nama di atas bantuan dan maklum balas yang telah diberi sebelum ini. Tidak lupa juga penghargaan tertinggi kepada pihak Global Academic Excellence di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdullah Yusoff. (1996). Cerita Jenaka dalam Pengajaran Bahasa. *Pelita Bahasa*, Jil. 8, Bil. 7, Julai 1996.
- Adila Sharinni Wahid. (5 November 2023). Kes Rogol, Bunuh, Curi Kereta di Kelantan Meningkat. <https://www.sinarharian.com.my/article/633094/berita/semasa/kes-rogol-bunuh-curi-kereta-di-kelantan-meningkat>.
- Bal Ikhwan Khairulanwar, Aminudin Hehsan, Juhazren Junaidi, Mohd al-I'khsan Ghazali, Arief Sallah Rosman & Farahwahida Mohd Yusof. (2022). Kajian Akhlak dan Pengamalan Remaja Muslim Berdasarkan Kitab Jami' Ulim Wal Hikam oleh Imam Abu Rajab Hanbali. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol. 9, No. 2, 73-83.
- C. Hooykaas. (1967). *Perintis Sastra*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Darwis Harahap. (1996). Peranan dan Fungsi Satira dalam Karya. *Pelita Bahasa*, Jilid 8, Bil. 1, Januari 1996.
- Huzili Hussin. (10 Ogos 2019). Krisis Akhlak Makin Meruncing. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/03/796254/krisis-moral-disiplin-pelajar-kian-meruncing>.
- Khairunisah Sayed Ibrahim. (2008). Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu-Bahasa Jerman: Satu Analisis. Disertasi. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- M Jasni Majed. (15 Mac 2021). Krisis Moral, Disiplin Pelajar Kian Meruncing. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/03/796254/krisis-moral-disiplin-pelajar-kian-meruncing>.

- Mana Sikana. (2003). *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Meor Riduwan Meor Ahmad. (8 November 2023). Jenayah Indeks Melaka Meningkatkan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1174565/jenayah-indeks-melaka-meningkat-244-peratus-ketua-polis-melaka>.
- Mohd Khairi Bin Shafei & Mohamad Khairi Bin Haji Othman. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. International Seminar on Generating Knowledge Through Research. Universiti Utara Malaysia, 25-27 Oktober.
- Mohd Taib Osman. (1965). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Osman. (2007). *Sastera Rakyat/Lisan Melayu: Antara Pernyataan "Local Genius" dengan Ciri-ciri Kesejagatan*. Ed. Rogayah A. Hamid & Wardati Md. Sheriff. Dlm. *Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nur al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, Vol. 10, Issue 2, 48-56.
- Muhammad Nur al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). *Sastera Rakyat sebagai Medium Didaktik kepada Golongan Desa*. *PENDETA*, Jilid 13, No. 1, 103-114.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*, Vol. 3, No. 1, 55-63.
- Nazrin Zulkafli. (24 Mei 2023). Umat Islam Perlu Jadikan Kitab Turath Sebagai Panduan Hidup. <https://www.sinarharian.com.my/article/260080/berita/nasional/umat-islam-perlu-jadikan-kitab-turath-sebagai-panduan-hidup>.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). *Citra Komsas*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Nilam Nur Atikah Oshman. (5 Ogos 2023). Kelahiran Anak Luar Nikah Membimbangkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/272094/berita/nasional/kelahiran-anak-luar-nikah-membimbangkan>.
- Nozina Yahaya. (7 Januari 2021). Akhlak, Nilai Bangsa Semakin Reput. <https://www.sinarharian.com.my/article/117916/khas/wacanaquran/akhlak-nilai-bangsa-semakin-reput>.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nur Fatimah Zainuddin. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 14, No. 1, 118-129.
- Raja Haji Yahya. (1973). *Cerita Jenaka*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (8 Julai 2007). Rangkaian Cerita Jenaka Melayu. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2007/07/08/rangkaian-cerita-jenaka-melayu/>.
- Siti Norlina Muhamad, Mohd Nasir Ripin & Mohd Dani Muhamad. (2004). Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*. 4-6 September 2004.
- Suara Sinar. (13 Julai 2023). Antara Masalah Sosial Remaja dan Ibu Bapa Bekerja. <https://www.sinarharian.com.my/article/267933/suara-sinar/pojok/antara-masalah-sosial-remaja-dan-ibu-bapa-bekerja>.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.

- Ulya Nafisah Abd Rahman. (10 Januari 2024). Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja Membimbangkan. <https://bebasnews.my/2024/01/10/gejala-sosial-dalam-kalangan-remaja-membimbangkan/>.
- Yahya Ismail. (1963). Sedikit Tentang Naskhah Lama Melayu. *Dewan Bahasa*. Jil. 7, Bil. 9, September 1963.
- Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zanariah Abd Mutalib & Siti Haliza Yusop. (19 September 2019). Tangani Keruntuhan Akhlak. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/608746/tangani-keruntuhan-akhlak>.